

1

ORIENTASI KEUSAHAWANAN: SUMBER DALAMAN STRATEGIK KE ARAH PENINGKATAN PRESTASI DAN DAYA SAING

*Muhammad Shukri Bakar, Azahari Ramli, Khairunnisak Ahmad Shakir
dan Hasnizam Hasan*

Impak atau kesan memiliki jiwa, pemikiran, sifat keperibadian, gelagat dan perlakuan keusahawanan atau lebih dikenali sebagai 'orientasi keusahawanan' (*entrepreneurial orientation*) telah banyak dikaji oleh ramai penyelidik-penyelidik terdahulu terutamanya di Barat sejak tahun 1980-an lagi. Kebanyakan kajian adalah terjurus kepada impak atau kesan orientasi keusahawanan kepada tahap peningkatan prestasi dan daya saing. Majoriti dapatan daripada kajian-kajian ini telah merumuskan bahawa individu atau organisasi yang memiliki orientasi keusahawanan pada tahap yang tinggi, sering menunjukkan prestasi yang juga tinggi dan dengan itu lebih kompetitif atau berdaya saing jika dibandingkan dengan individu atau organisasi yang berorientasi keusahawanan pada tahap yang lebih rendah (Bakar & Mahmood, 2014; Kreiser & Davis, 2010). Justeru, secara strategiknya adalah tidak menghairankan jika individu atau organisasi yang mengimpikan peningkatan prestasi dan daya saing lebih tinggi, sering berusaha merangsang dan memupuk diri atau organisasi masing-masing supaya tahap orientasi keusahawanan dipertingkatkan. Kajian-kajian lepas juga telah membuktikan bahawa pemikiran dan tindakan yang berorientasikan keusahawanan bukan sahaja boleh meningkatkan prestasi individu dan firma sektor perniagaan yang bermotifkan keuntungan tetapi juga adalah satu faktor yang penting ke arah melonjakkan prestasi dan daya saing kakitangan dan agensi-agensi di sektor awam (Currie *et al.*, 2008; Kearney, Hisrich & Roche, 2009).

KEUSAHAWANAN

Terma keusahawanan (*entrepreneurship*) telah lama dibincangkan oleh cendekiawan, pengkaji dan pembuat dasar sebagai salah satu faktor penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat dan negara. Dari sudut ekonomi, bidang keusahawanan dilihat sebagai penyumbang utama kepada kewujudan peluang-peluang pekerjaan melalui pembentukan perniagaan baru, pembesaran perniagaan sedia ada, penambahan eksport dan kutipan cukai negara, dan mampu merangsang pertumbuhan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Justeru itu, keusahawanan sering digelar sebagai enjin yang berperanan memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Manakala dari perspektif sosialnya, keusahawanan berperanan mengangkat kualiti hidup rakyat, mengurangkan masalah sosial, menambah kemajuan teknologi dan inovasi serta produktiviti dalam konteks kehidupan dan peradaban masyarakat moden masa kini. Keusahawanan juga menyumbang kepada penghasilan pelbagai inovasi baru ke atas produk, perkhidmatan dan proses yang membantu meningkatkan nilai kepada masyarakat pengguna dan seterusnya dapat menambah keuntungan dan daya saing firma-firma perniagaan.

Keusahawanan boleh didefinisikan sebagai suatu proses berfikir, membuat pertimbangan dan seterusnya bertindak dengan terfokus kepada sesuatu peluang yang hendak dicapai (Timmons & Spinelli, 2007). Mengikut Gartner (2001), para sarjana telah sependapat bahawa terma keusahawanan sebenarnya bertitik tolak daripada idea dan pemikiran kreatif manusia yang kemudiannya disusuli dengan tindakan aktif dan proaktif ke arah usaha terancang untuk mencapai sesuatu peluang yang telah dikenal pasti. Dalam erti kata yang lain, keusahawanan adalah sesuatu proses yang akan termanifestasi apabila terdapat pertembungan tiga faktor asas iaitu: usahawan (*entrepreneur*), peluang (*opportunity*), dan keberadaan sumber-sumber nyata dan tidak nyata (*tangible and intangible resources*) yang mampu dimanfaatkan secara strategik dan sebaiknya untuk mencapai peluang yang telah dikenal pasti tadi (Kuratko, Ireland, Covin, & Hornsby, 2005). Aktiviti keusahawanan bagaimana pun perlu melalui beberapa proses bertahap